

Cuepacs tolak pelarasan gaji

BH- 11/5/2007

1.2 juta kakitangan awam harap kerajaan setuju beri kenaikan lebih tinggi

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim

KUALA LUMPUR: Cuepacs menegaskan akan menolak jika kerajaan hanya memberi kenaikan purata 10 peratus gaji bagi kakitangan awam kerana menyifatkan ia hanya pelarasan dan bukan kenaikan seperti yang diminta dalam memorandumnya kepada kerajaan.

Presidennya, Omar Osman, berkata dalam memorandum yang dikemukakan kepada Perdana Menteri pada 11 Januari lalu, Cuepacs dengan jelas meminta semakan gaji komprehensif dengan kuantum yang jelas serta disokong data lengkap pelbagai aspek faedah dan imbuhan untuk kakitangan awam.

"Kita harap Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) faham apa yang kita minta," katanya kepada pemberita pada Perhimpunan Hari Pekerja Cuepacs 2007 dan Perasmian Dewan Kongres kesatuan itu di Wisma Cuepacs, di sini, semalam.

Omar berkata, pihaknya mengetahui perkara itu melalui internet dan panggilan oleh pihak tertentu yang mendakwa kerajaan hanya bersedia meluluskan kenaikan 10 peratus gaji bagi kira-kira 1.2 juta kakitangan awam.

"Jika benar kelulusan itu hanya untuk kenaikan 10 peratus secara purata, kita tidak akan bersetuju kerana ia bukan semakan gaji sebaliknya cuma pelarasan," katanya.

Perhimpunan dihadiri kira-kira 300 pemimpin pusat dan negeri kesatuan itu turut mencatat sejarah kerana ia pertama kali memberi pe-

luang Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Syed Shahir Syed Mohamud, berucap.

Cuepacs sebelum ini memohon kenaikan gaji 30 peratus bagi kakitangan awam Gred 17 hingga 40, 20 peratus (Gred 41 hingga 54) serta lima hingga 10 peratus (Jawatan Utama Sektor Awam). Kali terakhir semakan gaji kakitangan awam ialah pada 1992.

Omar berkata, Majlis Kongres Cuepacs akan mengadakan mesyuarat sebaik selesai majlis perhimpunan kakitangan awam dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Putrajaya pada 21 Mei ini.

"Sama ada Perdana Menteri membuat pengumuman atau tidak (berkaitan tuntutan Cuepacs), kita akan buat mesyuarat itu. Buat masa ini, Cuepacs tidak mahu melatah kerana kita yakin ketika bertemu Ketua Setiausaha Negara dan Perdana Menteri sebelum ini semuanya baik.

"Jadi, Majlis Kongres akan hanya memutuskan tindakan seterusnya selepas itu," katanya sambil mengakui Cuepacs tidak sampai ke tahap mengarahkan ahli melancarkan mogok jika tuntutan mereka tidak dipenuhi.

Omar berkata, kakitangan awam khususnya kumpulan sokongan bergaji rendah tidak perlu lagi melakukan kerja tambahan seperti pengawal dan pemandu teksi untuk menambah pendapatan jika kerajaan menunaikan enam tuntutan berhubung semakan gaji, memberi kenaikan elaun, umur persaraan sehingga 60 tahun, kepentingan skim



LAFAZ IKRAR: Omar (tiga dari kanan belakang) bersama ahli Cuepacs membaca ikrar sempena Perhimpunan Hari Pekerja Cuepacs 2007 dan Perasmian Dewan Kongres kesatuan itu di Wisma Cuepacs, semalam.

“ Kerajaan juga perlu kaji semula gaji kakitangan awam setiap lima tahun sesuai dengan kos sara hidup ”

Omar Osman
Presiden Cuepacs

Faedah Pencen Bercharum (SFPB), memansuhkan peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan serta pengiraan pencen mengikut tempoh perkhidmatan.

Beliau berkata, kerajaan juga perlu membuat kajian semula gaji kakitangan awam setiap lima tahun supaya ia sesuai dengan kos sara hidup kerana mereka yang di peringkat bawah hanya boleh hidup selesa jika gaji permulaan RM1,000.

"Hari cuti umum, lebih-lebih lagi Hari Pekerja seperti hari ini (sema-

lam) sepatutnya semua bercuti tetapi ini tidak berlaku kerana ada yang terpaksa bekerja sambil termasuk menjadi pengawal keselamatan dan pemandu teksi bagi menambah pendapatan.

"Kita anggarkan lebih 50 peratus kakitangan awam yang berpendapatan rendah terbabit melakukan kerja seperti ini," katanya.

Beliau berkata, Cuepacs juga diminta kakitangan kontrak sektor awam yang bertugas lebih lima tahun diserap ke jawatan tetap.